

# DIMENSI KOOP

ISSN - 1823 1586 / BIL.86 [1/2026] / RM8.50

## KEMAMPUAN ALAM SEKITAR

*Dan*

## DAYA TAHAN SOSIAL



MS ISO 9001:2015



REG. No. QMS 01443

ISSN 1823-0008

01586



9 771823 000003

ISSN 1823-1586  
RM 8.50  
Bil. 86 (1/2026)

www.ikma.edu.my



# DARI MEJA KETUA EDITOR

---

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, **Majalah Dimensi Koop Bil. 86** berjaya diterbitkan sebagai wadah perkongsian ilmu dan pemikiran yang menyokong pembangunan gerakan koperasi negara. Dalam landskap global yang semakin mencabar akibat perubahan iklim, ketidakpastian ekonomi serta perubahan sosial yang pantas, koperasi perlu terus memainkan peranan yang lebih signifikan sebagai institusi ekonomi rakyat yang bukan sahaja berdaya saing, malah bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar. Kekuatan gerakan koperasi terletak pada keupayaannya mengimbangi matlamat ekonomi dengan tanggungjawab sosial, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara yang inklusif dan mampan.





**Sejajar dengan tema**  
**“Kemampuan Alam Sekitar dan**  
**Daya Tahan Sosial”,**  
**edisi kali ini mengetengahkan pelbagai**  
**perspektif, amalan terbaik dan inisiatif**  
**yang dilaksanakan oleh koperasi dalam**  
**mendepani cabaran semasa.**



Melalui pendekatan yang lebih lestari dan berorientasikan komuniti, koperasi membuktikan bahawa pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan secara seimbang tanpa mengabaikan aspek pemeliharaan alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat.

Para pembaca akan disajikan dengan pelbagai artikel yang mengupas peranan koperasi dalam memperkasa ekonomi hijau, memperkukuh pembangunan komuniti, meningkatkan daya tahan sosial serta menyokong pencapaian Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030). Turut diketengahkan ialah artikel berkaitan kepimpinan, integriti digital, pembangunan modal insan dan jaringan kerjasama strategik yang menjadi antara faktor penting dalam memastikan gerakan koperasi terus relevan, progresif dan berdaya tahan.

Saya percaya bahawa perkongsian ilmu dan pengalaman yang dimuatkan

dalam edisi ini mampu menjadi sumber inspirasi serta rujukan kepada warga koperasi untuk terus berinovasi dan meneroka pendekatan baharu dalam memperkukuh organisasi masing-masing. Sesungguhnya, agenda kemampuan bukan sekadar satu keperluan semasa, tetapi merupakan komitmen jangka panjang yang memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi, para penulis serta seluruh warga koperator yang sentiasa komited dalam menyumbang idea, pengalaman dan kepakaran demi menjayakan penerbitan majalah ini. Semoga Majalah Dimensi KOOP terus menjadi medium ilmu yang bermanfaat dan pemangkin kepada pembangunan gerakan koperasi yang lebih mampan, berdaya tahan dan berimpak tinggi.

**Mohd Zaib bin Mat Yunus**

# SIDANG REDAKSI

## DIMENSI KOOP



**Penaung/Penasihat**  
**DATUK MOHD**  
**ALI MANSOR**  
**KETUA PENGARAH**



**Ketua Editor**  
**MOHD ZAIB MAT YUNUS**



**Timbalan Ketua Editor**  
**NOR AZLINA KASSIM**

## SIDANG EDITOR



**DR. MOHD SHAHRON ANUAR**  
**SAID**



**DR. MOHAMAD HASWARDI MORSHIDI**



**NORHAYATI**  
**ABD. RAHMAN**



**SALWANA**  
**ALI**



**NORANITA**  
**MOHD NOR**



**MOHD NUSI  
ABD RAHMAN**



**ROHALINDA  
AHAD**



**MOHAMAD SUANDI  
MORTADZA**



**AZMALIZA  
ARIFIN**



**SHAMSIAH  
SYAMSUDIN**



**HASRIN  
ABU HASSAN**



**NOR ARMA  
ABU TALIB**



**SHARIFAH SHUZAIDA  
SAEDIN**



**NOR ALYANI  
ABDUL RAZAK**



**JULIZAH  
SABSTU**



**INTAN NUR AZREEN  
MOHAMAD RADZI**



**ZAHARATUL LAILI  
ZAKARIA**

# KANDUNGAN DIMENSI KOOP



